

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**SRI PERDANA, KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN DAN PENERIMAAN DERMA BAKTI**  
**12 OKTOBER 1988**

Yang Amat Berbahagia Datin Hajjah Asbi Rohani, Isteri Menteri Besar Selangor merangkap Yang Di-Pertua BALKIS; Dif-Dif Kehormat; Tetamu-tetamu Jemputan; Tuan-tuan dan Puan-puan; Saudara-saudari yang saya raikan.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurniaNya untuk membolehkan kita berkumpul di Majlis Penyampaian dan Penerimaan Derma BAKTI yang merupakan salah satu kegiatan BAKTI untuk masyarakat. Saya mengalu-alukan kehadiran para jemputan dan mengucapkan terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama.

2. Majlis ini bertujuan untuk menyampaikan derma BAKTI kepada lapan orang penerimanya. Ini bukanlah bermakna BAKTI tidak menghulurkan derma sebelum ini, tetapi BAKTI mengambil kesempatan tiga hingga enam bulan sekali untuk menyumbangkan derma kepada pihak-pihak yang memerlukannya.

3. Pada petang ini empat buah persatuan akan menerima sejumlah \$60,000 setiap satu, hasil daripada jualan buku Guli-Guli. Setiap persatuan ini begitu aktif dalam kegiatan mereka untuk kebajikan masyarakat. Saya tidak ragu-ragu mencalonkan nama-nama mereka manakala pihak MAS dan YAB Dato Lim Kok Wing menyumbangkan buku Guli-Guli Jilid II untuk dijual. Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dan Persatuan Bekas Polis Malaysia adalah Persatuan-persatuan yang menumpukan perhatian terhadap kebajikan bekas-bekas dan balu-balu pasukan keselamatan kita.

4. Manakala Persatuan Perlindungan Wanita (WAO) menumpukan tugas mereka kepada wanita-wanita dan kanak-kanak yang teraniaya dan memberi perlindungan dan bantuan kepada mereka. Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan pula memberi pekerjaan kepada orang-orang cacat di Rumah Insaniah yang baru dibina.

5. Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan mengembangkan khidmat baktinya kepada kanak-kanak cacat akal di Kelang dengan Projek Sekolah Kanak-Kanak Cacat. BAKTI menghargai usaha-usaha yang murni ini dan menyumbangkan \$10,000 kepada Persatuan tersebut.

6. Keempat-empat Persatuan ini telah menunjukkan kegiatan yang cemerlang bagi kebajikan masyarakat yang kurang bernasib baik. Saya mengucapkan syabas dan tahniah dan berharap sumbangan ini akan dapat meneruskan kegiatan mereka masing-

masing.

7. Selain daripada itu, dua orang individu berazam dengan bersungguh-sungguh untuk berdikari dan memajukan diri mereka. Setelah dikaji dan disiasat keikhlasan mereka ini, BAKTI dengan sukacita memilih En. Romat bin Saidi untuk menerima bantuan bagi memulakan perniagaannya. Beliau adalah seorang yang cacat penglihatannya. BAKTI juga dengan sukacitanya telah memilih En. Lee King Wah untuk meneruskan pelajarannya di UKM dalam bidang Nuclear Physics. BAKTI berharap bantuan yang kecil ini akan memberi kesan yang baik kepada mereka berdua dan mengucapkan selamat maju jaya.

8. Dalam dua hari lagi, akan bermulalah perlawanan badminton Piala Pusingan Toh Puan Suhaila yang ke-4. Perlawanan ini diadakan setiap tahun dari tahun 1985 anjuran BAKTI. Oleh kerana tuan rumah pertandingan ini akan meraikan antara 12 hingga 14 buah pasukan daripada setiap negeri, BAKTI menyumbangkan \$10,000/- kepada negeri tuan rumah sebagai bantuan. Yang Amat Berbahagia Datin Hajjah Asbi Rohani, isteri Menteri Besar Selangor merangkap Yang Di-Pertua BALKIS adalah tuan rumah Perlawanan Badminton tahun ini mulai 14hb. Oktober hingga 16hb. Oktober, 1988 dan akan menerima sumbangan BAKTI sebentar lagi.

Ladies and Gentlemen,

9. The second part of this special occasion is the presentation of cheques to BAKTI by very generous and caring people. I have often said that we Malaysians are very fortunate that there are people who are very sensitive to conditions around us -- people who are willing to dip into their own pockets or set aside funds for charity. BAKTI is very honoured and grateful to three firms which are represented here and which chose BAKTI for their charity donations.

10. In early September last year, the President of Toshiba Electric Corporation of Japan, visited Kuala Lumpur and brought with him a generous donation of \$20,000 for BAKTI. We are very proud and pleased to know that BAKTI's welfare activities are also known in Japan! This was followed by Mitsui and Company Limited, Kuala Lumpur with \$10,000. Both these Corporations are represented this afternoon by Mr. K. Suzuki as President, Japanese Chamber of Commerce and General Manager of Mitsui Company, Kuala Lumpur. On behalf of BAKTI and myself, I sincerely wish to thank the President, Toshiba Electric Corporation of Japan and Mr. Suzuki of Mitsui Company, Kuala Lumpur for their very generous donations.

11. Malaysians themselves are known for their kind generosity for good charitable causes. Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Amin Osman is here as President of Persatuan Syarikat Pengurusan Kelab Malaysia and has generously brought a cheque of \$50,000 with him for BAKTI. I have known Tan Sri Mohd. Amin Osman as a neighbor and a Senior Police Officer Alor Setar until he retired here in Kuala Lumpur as Deputy Inspector General of Police. I never realised that in the stony hard heart of a former police officer is a very soft core, sympathetic and caring. Thank you very much, Tan Sri, for your donation.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurniaNya di atas rezeki yang diberi kita semua yang membolehkan BAKTI mengadakan Majlis Penyampaian dan Penerimaan Derma pada hari ini.

13. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dr. Hajjah Aishah Ong, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan BAKTI dan ahli-ahli BAKTI yang menguruskan jemputan dan juadah jamuan pada hari ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikumwarahmatullahi wabarakatuh.